

D.R. 10/2007

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBADANAN KEWANGAN PERDAGANGAN ISLAM
ANTARABANGSA 2007**

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Keperibadian juridikal Perbadanan
4. Kuasa untuk memohon beli syer saham modal Perbadanan
5. Jumlah wang yang kena dibayar kepada Perbadanan hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan
6. Penerimaan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk menguatkuasakan suatu perjanjian antarabangsa bagi penubuhan dan pengendalian Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa dan untuk membolehkan Kerajaan Malaysia menjadi anggotanya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

BAHAWASANYA dalam Mesyuarat Lembaga Gabenor Bank Pembangunan Islam ke 31 yang berlangsung di Bandar Kuwait, Kuwait dalam bulan Mei 2006, suatu perjanjian yang menubuhkan Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa telah ditandatangani;

DAN BAHAWASANYA Kerajaan Malaysia telah mengambil bahagian dalam Mesyuarat tersebut dan telah, pada akhir Mesyuarat itu, menandatangani Perjanjian tersebut dan pada 6 Februari 2007 mengesahkan Perjanjian tersebut dan dengan itu menjadi suatu anggota Perbadanan tersebut.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh Perjanjian mula berkuat kuasa bagi Kerajaan Malaysia menurut Perkara 53 Perjanjian itu.

Rang Undang-Undang

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

"Anggota" ertinya sesuatu negara atau institusi yang merupakan anggota Perbadanan;

"Kerajaan" ertinya Kerajaan Malaysia;

"Ketua Pegawai Eksekutif" ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan;

"Lembaga Pengarah" ertinya Lembaga Pengarah Perbadanan;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"Perbadanan" ertinya Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa yang ditubuhkan melalui Perjanjian;

"Perhimpunan Agung" ertinya Perhimpunan Agung Perbadanan;

"Perjanjian" ertinya perjanjian antarabangsa bagi penubuhan dan pengendalian Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa yang ditandatangani di Bandar Kuwait, Kuwait pada 30 Mei 2006.

Keperibadian juridikal Perbadanan

3. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai keperibadian juridikal dan apa-apa keupayaan undang-undang yang perlu bagi menjalankan kuasanya dan melaksanakan fungsinya mengikut Perjanjian.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), Perbadanan hendaklah mempunyai keupayaan untuk—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, memegang dan melupuskan harta alih dan harta tak alih; dan

Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa

- (c) memulakan prosiding undang-undang atas namanya dan membela apa-apa tindakan yang dibawa terhadap Perbadanan dalam suatu mahkamah yang mempunyai bidane kuasa berwibawa.

Kuasa untuk memohon beli syer saham modal Perbadanan

4. Menteri diberi kuasa untuk memohon beli bagi pihak Kerajaan—

- (a) syer saham modal dibenarkan Perbadanan mengikut perenggan (1) Perkara 10 Perjanjian bagi apa-apa amaun yang tidak melebihi amaun yang sama nilai dengan tiga puluh juta dolar Amerika Syarikat;
- (b) jika saham modal dibenarkan Perbadanan ditambah atas permintaan Perhimpunan Agung mengikut perenggan (3) Perkara 10 Perjanjian, sebanyak suatu kadar daripada pertambahan saham sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan itu; dan
- (c) jika syer Kerajaan telah ditambah atas permintaan Kerajaan di bawah perenggan (6) Perkara 11 Perjanjian, sebanyak amaun pertambahan itu.

Jumlah wang yang kena dibayar kepada Perbadanan hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan

5. (1) Hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan—

- (a) semua jumlah wang yang kena dibayar kepada Perbadanan dengan cara permohonan beli saham modalnya di bawah dan mengikut cara pembayarannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 12 Perjanjian;
- (b) semua jumlah wang yang kena dibayar kepada Perbadanan dengan cara permohonan beli tambahan oleh Kerajaan bagi saham modal Perbadanan mengikut perenggan (6) Perkara 11 Perjanjian;

Rang Undang-Undang

- (c) apa-apa jumlah wang yang hendak dijadikan oleh Kerajaan sebagai deposit dengan Perbadanan di bawah subperenggan (2)(b) Perkara 8 Perjanjian; dan
- (d) semua jumlah wang yang kena dibayar kepada Perbadanan di bawah mana-mana peruntukan lain Perjanjian itu.

(2) Semua jumlah wang yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan di bawah seksyen ini hendaklah dibayar dalam dolar Amerika Syarikat.

Penerimaan

6. Semua jumlah wang yang diterima oleh atau bagi pihak Kerajaan daripada Perbadanan hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bagi Kerajaan.

HURAIAN

Akta Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007 ("Akta") yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan khusus bagi mengiktiraf penubuhan Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa ("Perbadanan") melalui Perjanjian penubuhan Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa ("Perjanjian").

- 2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
- 3. *Fasal 2* mengandungi takrif beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.
- 4. *Fasal 3* bertujuan untuk memberi Perbadanan keperibadian juridikal dan apa-apa keupayaan di sisi undang-undang yang perlu untuk membolehkannya menjalankan kuasanya dan melaksanakan fungsinya mengikut Perjanjian.
- 5. *Fasal 4* bertujuan untuk memberi Perbadanan kuasa untuk memohon beli syer saham modal Perbadanan.
- 6. *Fasal 5* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi jumlah wang yang kena dibayar kepada Perbadanan hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan.
- 7. *Fasal 6* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa semua jumlah wang yang diterima oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan.

Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2579]